

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

7 manfaat PADU pastikan kesejahteraan rakyat terjamin

7 manfaat PADU pastikan kesejahteraan rakyat terjamin



Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Konsep kesaksamaan merujuk kepada penawaran pelbagai tahap sokongan ataupun inisiatif bergantung keperluan mencapai keadilan lebih besar dengan tujuan utama adalah merapatkan jurang sosioekonomi masyarakat.

Jika dilihat, pelbagai inisiatif diberikan kerajaan sejak dahulu lagi tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, antaranya subsidi dinikmati semua masyarakat.

Namun, apabila ketidakpastian ekonomi semasa melanda, terutama pada era pandemik COVID-19 dan peningkatan harga barang serta perkhidmatan, pihak berwajib perlu melihat kembali pemberian subsidi kerana penyalurannya mesti saksama dan seimbang agar jurang dalam masyarakat dapat dirapatkan.

Kita tidak mahu melihat apabila penyaluran inisiatif tidak mengikut konsep kesaksamaan, dihua-tiri jurang sosioekonomi rakyat makin melebar.

Dalam konteks ini, inisiatif seperti subsidi sepatutnya diberikan keutamaan kepada mereka yang layak terutama dalam kalangan B40 dan M40, manakala golongan T20 juga berhak menikmati pemberian memandangkan menjadi pembayar cukai.

Justeru, tidak boleh ditarik terus, tetapi lebih kepada pengurangan agar lebihan dapat disalurkan dan diagihkan kepada golongan lebih memerlukan. Namun, perubahan ini perlu dilakukan berhati-hati agar ketidakpuasan hati dalam masyarakat tidak menjadi barah.

Atas falsafah inilah, kerajaan memperkenalkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bertujuan mengumpul profil individu dan isi rumah. Sistem ini mengintegrasikan pelbagai sumber dan dikemas kini berkala.

Pada awal pengenalan sistem, ia mendapat pel-

bagai reaksi dan maklum balas, antaranya isu keselamatan dan integrasi data, selain akauntabiliti dan etika individu. Ini menuntut pihak berwajib melihat kembali sistem ini apakah ia sesuai digunakan selagi mana isu berkenaan tidak diselesaikan segera.

Walaupun PADU mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai lapisan masyarakat, ia dapat dilihat sebagai langkah perlu untuk memastikan insentif kerajaan terutama subsidi dapat disalurkan kepada individu benar-benar layak dan memerlukan.

Kita tidak mahu melihat lagi pelbagai isu ketirisan kewangan kerajaan hingga isu ketidakadilan dalam pengagihan sumber kewangan berlaku secara ketara. Pada masa sama, ia juga mungkin dapat membantu dalam menyelesaikan isu rasuah semakin meruncing ketika ini.

Seperti dikongsikan kerajaan, PADU dibangunkan dengan tujuh manfaat bersama merangkumi pelbagai aspek seperti pengagihan bantuan seperti subsidi, penambahbaikan sistem bencana dan krisis, ketidaksepadanan pekerjaan dan pendidikan, kesenjangan jaringan perlindungan sosial masyarakat, pengurusan belanjawan lebih strategik, pemangkin transformasi digital kerajaan dan populasi penduduk menua.

Ini menunjukkan kerajaan ingin memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin dan pengagihan sumber diagihkan dengan adil dan saksama.

